

Bah di Perlis tak jejas 4,594 calon UPSR

Percubaan STPM, SPM ditangguh

Oleh Adha Ghazali
adha@bharian.com.my

KANGAR: Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) mengesahkan peperiksaan percubaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di negeri ini ditangguhkan berikutan kejadian banjir bermula kelmarin.

Pengarahnya, Dun Kasa berkata, bagaimanapun peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang dijadual bermula hari ini, akan tetap diteruskan walaupun banyak di antara sekolah di negeri ini sudah diisytihar tutup.

Beliau berkata, penangguhan peperiksaan percubaan SPM dan STPM dibuat selepas mengambil ki-

ra keadaan banjir.

"Kita memberikan keutamaan kepada UPSR. Justeru, pusat pemindahan banjir yang dibuka di negeri ini dipastikan membabitkan hanya sekolah menengah saja tanpa menjejaskan sekolah rendah yang menjadi pusat peperiksaan penting itu.

"Walaupun ada beberapa sekolah rendah terpaksa ditutup, namun UPSR tetap diteruskan melainkan ada laporan atau arahan tertentu daripada pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) untuk membatalkannya," katanya kepada pemberita, di sini, semalam.

Terdahulu, beliau mengiringi Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail meninjau Sekolah Kebangsaan Tengku Budriah dan Sekolah Menengah Ke-



KESESAKAN lalu lintas di hadapan Sekolah Kebangsaan Tengku Budriah, Arau akibat jalan ditenggelami banjir.

bangsaan Datuk Sheikh Ahmad di Arau, yang dinaiki banjir. Berangkat sama, Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Difahamkan, seramai 4,594 pelajar Tahun Enam di seluruh Perlis dijadual menduduki UPSR di 75 pusat peperiksaan seluruh negeri bermula hari ini.

Sementara itu, tinjauan di keadaan banjir sekitar negeri mendapati beberapa pusat pemindahan yang dibuka kelmarin terutama di Titi Tinggi Hilir yang menempatkan 69 mangsa daripada 17 keluarga sudah mula ditutup apabila banjir di

kawasan berkenaan dilapor surut.

Bagaimanapun, beberapa kawasan sekitar Arau dan Kangar dilaporkan mula dinaiki air terutama sekitar pekan Arau. Malah, beberapa laluan utama menghubungkan dua bandar terbabit juga mula dibanjiri air, sekali gus menghalang kelancaran lalu lintas.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Nishad Mohamed Mohd Shaffy, berkata paras air di Empangan Timah Tasoh pada jam 2.30 petang semalam dicatat pada bacaan 29.77 meter melebihi paras bahaya 29.6 meter.

"Buat masa sekarang, banjir di

kawasan Padang Besar mula beransur pulih. Bagaimanapun, kawasan sekitar Arau semakin dinaiki air dipercayai susulan pergerakan air dari Titi Tinggi dan Wang Kelian yang menghala turun ke kawasan berkenaan.

"Selain itu, beberapa sungai utama negeri yang sebelum ini mencatat bacaan bahaya, kini menurun kepada paras waspada terutama Sungai Pelarit di Kaki Bukit dan Sungai Jarum di Titi Tinggi. Justeru, kita percaya jika keadaan kembali cerah tanpa hujan seperti hari ini (semalam), banjir akan beransur pulih," katanya.